

17/09/2002

PM anggap belanjawan pembangkang sebagai jenaka

PUTRAJAYA, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan hasrat pembangkang membentangkan belanjawan alternatif di Dewan Rakyat sebelum Belanjawan 2003 dibentangkan Jumaat ini, sebagai satu jenaka.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, barisan pembangkang cuma tahu bagaimana untuk membelanjakan wang bagi mencari populariti semata-mata tetapi tidak tahu berapa banyak wang yang boleh mereka belanja.

"Ia satu jenaka kerana mereka tidak tahu berapa banyak wang yang kita ada tetapi mahu membuat belanjawan.

"Apa yang mereka tahu ialah bagaimana untuk membelanjakan wang dan menjadi popular," katanya selepas menghadiri upacara perhimpunan bulanan Perbendaharaan dan merasmikan bangunan baru Kementerian Kewangan di sini, hari ini.

Barisan pembangkang yang terdiri daripada Pas, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) minggu lalu mengumumkan akan membentangkan belanjawan berasingan sebagai bantahan kepada Belanjawan Negara yang dijadual dibentangkan Dr Mahathir. Mereka mahu membentangkannya esok.

Pembangkang pernah mengemukakan belanjawan sendiri pada 1999 tetapi bukan di Dewan Rakyat. Belanjawan Rakyat 2000 itu bagaimanapun tidak mengemukakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan yang bakal dilakukan apabila mereka berkuasa.

Sebaliknya, barisan alternatif ketika itu termasuk DAP banyak menyalahkan tindakan kerajaan menangani kemelut ekonomi. Lebih menarik perhatian, belanjawan itu dibentangkan oleh pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, Prof Jomo K S Sundram pada satu sidang akhbar.

Dr Mahathir berkata, jika mahu membelanjakan wang kerajaan untuk menjadi popular, beliau juga boleh mengikut langkah pembangkang.

"Saya juga boleh buat begitu tetapi saya perlu bertanggungjawab. Mereka (pembangkang) tidak bertanggungjawab dalam mengutip dan mentadbirkan wang terbabit," katanya.

Beliau berkata, hasrat pembangkang yang diketuai Pas untuk membentangkan belanjawan alternatif itu adalah kerana mereka mempunyai motif politik.

"Belanjawan mereka sudah pasti adalah belanjawan politik, untuk menunjukkan betapa baiknya mereka dan kenapa rakyat patut menyokong mereka. Mereka tidak tahu (berapa banyak) wang yang kita ada," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun enggan memberi sebarang bayangan apabila ditanya mengenai kandungan belanjawan kerajaan bagi tahun depan yang akan dibentangkannya nanti.

"Saya akan beritahu anda pada 20 (September) ini. Jangan tanya sekarang," katanya apabila didesak wartawan asing sama ada wujud sebarang insentif cukai bagi menggalak pelaburan langsung asing (FDI)," katanya.